




TUN Abdul Ghafar menerima pelantikan sebagai Ketua Menteri daripada Gabenor Melaka, Tun Leong Yew Koh pada 15 Jun 1959.



TUN Abdul Ghafar mengangkat sumpah jawatan Menteri Tidak Berportfolio di hadapan Yang di-Pertuan Agong ke-3 di Istana Negara Pada 22 Mac 1968.



TUN Abdul Ghafar mengangkat sumpah jawatan Timbalan Perdana Menteri di Istana Negara pada 10 Mei 1986.

Ghafar negarawan tulen

Allahyarham setia kepada Umno dan negara sepanjang kerjaya politiknya

Oleh Kalimullah Hassan

SEWAKTU zaman kanak-kanaknya, beliau sering menyelongkar urak mencari makanan kerana keluarganya amat daif. Bagi membiayai persekolahan dan membantu meringankan beban keluarga, beliau menjadi kedi golf walaupun upahnya hanya beberapa puluh sen.

Beliau yakin, seseorang itu akan sedikit ego apabila nasib hidupnya berubah, apalagi seperti Abdul Ghafar Baba yang kemudian memegang pelbagai jawatan kanan di bawah pentadbiran empat Perdana Menteri, sebagai Ketua Menteri Melaka, Ahli Parlimen, Menteri Kabinet dan terakhir, Timbalan Perdana Menteri.

Namun, Tun Abdul Ghafar Baba kekal sebagai Abdul Ghafar Baba - manusia biasa dan sederhana yang datang dari kalangan rakyat biasa, tidak cerewet dan sentiasa merendah diri, pejuang bangsa dan pahlawan negara sehingga ke akhir hayat.

Memang tidak dinafikan bahawa Allahyarham tidak sempurna. Tetapi siapa di antara kita yang boleh mengakui serba sempurna? Hakikatnya Ghafar adalah gergasi di kalangan manusia yang ada.

Beliau tidak dilahirkan dalam kemewahan tetapi itu tidak pernah menghalangnya dari ada berusaha untuk mengeluarkan dirinya dari pada belenggu kemiskinan dan menjadi guru berkelulusan Maktah Perguruan Sultan Idris, institusi perguruan terunggul ketika itu.

Berapa ramai anak miskin pada zaman beliau yang bernasib baik untuk bersekolah, apa lagi ke universiti?

Pada usia 15 tahun, beliau sudah mempunyai kesedaran betapa pentingnya rakyat Malaya bebas daripada penjajahan. Beliau adalah pejuang kemerdekaan sebaris dengan Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun H S Lee, Tim Tan Cheng Lock dan Tun V T Sambanthan serta ramai lagi wira yang tidak terdengang.

Pemergian beliau pagi semalam menandakan berakhirnya satu lagi era - tamatnya era kehidupan pejuang kemerdekaan barisan hadapan.

Banyak lagi perkara yang saya boleh katakan mengenai Tun Abdul Ghafar Baba.

Saya pernah berkhidmat dengannya sebagai sekretaris akhbar untuk tempoh singkat ketika Allahyarham menjadi Timbalan Perdana Menteri dan perhubungan dengan beliau dan keluarga terus terjalin sehingga kini.

Dua malam lalu, ketika berdi dalam Unit Rawatan Rapi (ICU) Pusat Perubatan Gleneagles Intan, anak lelaki Allahyarham, Asri, mengurut lengan dan membaca doa untuk bapanya yang tidak sedarkan diri.



DETIK AKHIR: Tamrin menyiram air mawar ke pusara bapanya, Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba di Makam Pahlawan, Masjid Negara, Kuala Lumpur, semalam.

Pengebumian penuh istiadat

KUALA LUMPUR: Jenazah Tun Abdul Ghafar Baba semalam disemadikan di Makam Pahlawan, Masjid Negara di sini tepat jam 5.30 petang semalam dengan penuh istiadat pengebumian pembesar negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak turut bersama anggota keluarga dan ribuan rakyat menyempurnakan pengebumian jenazah bekas timbalan perdana menteri itu.

Upacara pengebumian yang bermula selepas solat Asar, berakhir pada 5.45 petang selepas bacaan talik oleh Imam Besar Masjid Negara, Datuk Kamaruddin Zakaria dalam cuaca mendung yang diselingi suasana sayu dan pilu.

Perdana Menteri mendahului

upacara menyiram air mawar dan menabur bunga di pusara Allahyarham, diikuti Najib, isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor serta anggota keluarga Allahyarham yang diketuai anak keduanya, Tamrin.

Turut hadir ialah Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting; Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yik serta beberapa pemimpin pembangkang termasuk Ketua Pembangkang, Lim Kif Siang, turut hadir.

Allahyarham disemadikan di kawasan kubah Makam Pahlawan,

bersama-sama Perdana Menteri kedua dan ketiga, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan Tun Hussein Onn, serta Timbalan Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Dr Ismail Abdul Rahman.

Sebelum itu, jenazah Tun Abdul Ghafar dibawa ke Masjid Negara pada jam 2.10 petang untuk upacara penghormatan terakhir dari kediamannya di Bukit Pantai, dengan disambut oleh Abdullah.

Keranda jenazah yang bersalut Jalur Gemilang dan diusung 10 anggota tentera serta polis ditempatkan di tengah dewan syarahan utama Masjid Negara untuk membolehkan kalangan pemimpin dan orang ramai memberi penghormatan terakhir.

Selain menteri Kabinet dan pemimpin politik, lebih 5,000 orang dari pelbagai lapisan masyarakat

turut hadir menziarahi jenazah dan memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarham.

Tun Abdul Ghafar, 81, menghembuskan nafas terakhir tepat jam 7.34 pagi semalam di sisi keluarga terdaknya di Pusat Perubatan Gleneagles Intan, di Jalan Ampang, di sini.

Allahyarham menjalani rawatan di pusat perubatan berkenaan selama 90 hari iaitu sejak dimasukkan ke wad pada 24 Januari lalu kerana serangan asma, masalah jantung dan komplikasi paru-paru.

Tahap kesihatan Allahyarham, seorang yang aktif selepas meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 1993, merosot sejak September tahun lalu apabila kerap keluar masuk hospital kerana masalah asma dan jantung.

REAKSI

“ Kita kehilangan seorang tokoh yang memperlihatkan kematangan dan sentiasa menyampaikan suara keseimbangan terutama dalam perkara yang menyentuh isu sensitif berkaitan agama, kaum, budaya serta bahasa”

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

“ Kita kehilangan seorang pejuang bangsa yang tidak terhitung jasanya kepada masyarakat dan tokoh sepertinya sukar dicari ganti”

Datuk Seri Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

“ Allahyarham Tun adalah seorang manusia yang paling setia pada ketua dan tidak pernah cuba membayangi atau belakangkan ketua walaupun ketika berlaku krisis”

Tan Sri Aziz Tapa
Veteran Umno

“ Pemergian beliau membawa saya jauh terkenangkan seseorang yang terlalu banyak budi dan jasa sehingga ke hujung hayatnya”


Datuk Nik Abdul Aziz
Nik Mat
Mursyidul Am Pas



1959




1971



1986



1991



2005

LHAI MUKA 3